

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-EMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK PAUL IGAI

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 [ISNIN]

SOALAN

YB SENATOR DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif dan bantuan kerajaan yang telah dan sedang berikan kepada pemain industri pengangkutan awam dan adakah pemberian bantuan ini akan diteruskan ke tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif dan bantuan kepada pemain-pemain industri pengangkutan awam darat termasuklah:-

- (i) Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memberi kebenaran khas dengan pertambahan dua (2) tahun secara automatik kepada had usia maksimum bagi tujuan penggantian kenderaan kepada semua pemilik kenderaan perkhidmatan awam, tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM ke atas kenderaan tersebut.

Ini bermakna, mana-mana kenderaan perkhidmatan pengangkutan awam yang telah mencapai had usia maksimum untuk didaftarkan (dan perlu digantikan) mulai 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021, telah diberikan tambahan had usia selama satu tahun secara automatik.

Dengan pemberian tambahan had usia automatik ini, semua pengusaha dan pemilik dapat menangguhkan penggantian kenderaan terbabit untuk dua (2) tahun lagi. Pelanjutan ini melibatkan semua kelas kenderaan perkhidmatan di bawah skop tanggungjawab Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) serta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan LPKP Sarawak.

- (ii) Kelulusan one-off kepada mana-mana pemandu kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam yang akan memperbaharui kad pemandu mereka untuk tahun 2021 - 2022, akan diberikan tempoh sah laku kad pemandu selama dua (2) tahun berbanding tempoh setahun mengikut kelulusan semasa;
- (iii) Rang Undang-undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) 2020 juga telah membantu semua pengusaha kenderaan pengangkutan

NO. SOALAN: 40

awam dan barangan untuk menjana pendapatan tambahan dengan memberi kebenaran untuk pemilik menyediakan perkhidmatan lain seperti penghantaran barang/parcel sekiranya tidak membawa penumpang atau sebaliknya. Kelulusan sementara ini hanyalah untuk sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa dan bertujuan mewujudkan ruang-ruang tambahan kepada pemilik untuk menjana pendapatan mereka;

- (iv) Kerajaan juga telah meneruskan inisiatif pemberian *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) [dikenali sebagai Dana Bantuan Sementara Pengusaha Bas Berhenti-Henti (DBSPB) di Sarawak] di seluruh Malaysia untuk tahun 2021 dan 2022 dengan peruntukan berjumlah RM105 juta ringgit setahun. Di bawah inisiatif ini kerajaan akan menanggung kerugian kos operasi pengendali bas berhenti-henti sedia ada bagi memastikan perkhidmatan kekal disediakan untuk kemudahan rakyat;
- (v) Bagi perkhidmatan bas berhenti-henti di bawah inisiatif *Stage Bus Service Transformation* (SBST) pula, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM48 juta setahun bagi memastikan perkhidmatan dengan jenama myBAS ini terus kekal beroperasi di Seremban, Ipoh, Kuala Terengganu dan Perlis walaupun dalam tempoh PKP berkuatkuasa; dan
- (vi) Memberikan pengecualian khas untuk menangguhkan proses pembaharuan Lesen Kenderaan Motor, Lesen Memandu dan Lesen Vokasional di sepanjang tempoh PKP sehingga 31 Disember 2021.